

KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak
Hari/Tarikh: 4/11/2016
Muka surat: 12

Tajuk : UNIMAS akan adakan program Syarahan Perdana CEO



PERASMIAN... Acara memotong riben telah disempurnakan oleh Datuk Badlisham (lima dari kiri) sempena Majlis Perasmian Teratak Ceria di hutan mini DeTAR, UNIMAS.



RASMI... Datuk Badlisham ketika merasmikan Teratak Ceria di hutan mini DeTAR di UNIMAS sambil turut disaksikan oleh Prof Kadim (dua dari kanan).



CEK... Penyerahan replika cek sempena Program Sokongan Komuniti daripada Malaysia Airports Holdings Berhad yang diwakili Datuk Badlisham (tiga dari kiri) kepada Prof Kadim (empat dari kanan).

UNIMAS adakan program Syarahan Perdana CEO

KOTA SAMARAHAN: Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) telah mengadakan program Syarahan Perdana CEO@Faculty Programme oleh Datuk Badlisham Ghazali, Pengarah Urusan Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB) dengan tajuk syarahan beliau iaitu "CEO Past Experience and Challenges".

Syarahan perdana tersebut telah diadakan di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA, UNIMAS bermula jam 10 pagi semalam.

CEO Faculty Programme (CFP) telah dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi selari dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) (PPPM) (PT) pada 7 April 2015.

Transformasi pendidikan tinggi melalui PPPM (PT) telah menggariskan lonjakan kedua: Kecemerlangan Bakat yang bertujuan untuk membangunkan empat laluan kerjaya yang sesuai di peringkat institusi pendidikan tinggi iaitu pendidik, penyelidik, pemimpin institusi dan pengamal profesional. CEO Faculty Programme (CFP) telah diwujudkan bagi memperhebatkan penyertaan daripada sektor swasta dan sektor awam sebagai sebahagian daripada sistem pendidikan tinggi melalui perkongsian

pengalaman dan kepakaran tokoh-tokoh dari industri serta agensi awam.

Datuk Badlisham telah dilantik sebagai Profesor Adjung di UNIMAS dan sebagai CEO Faculty Programme (CFP) dari Menteri Pengajian Tinggi pada 12 Februari 2016. Beliau telah memulakan kerjaya bersama Hewlett Packard Group selepas menamatkan pengajian di Amerika Syarikat. Selama 18 tahun beliau bersama Hewlett Packard Group dan jawatan terakhir yang dipegang beliau adalah Pengarah dan Pengurus Besar, Hewlett Packard Technology Solution Group pada 2005.

Pada 16 Januari 2006, Datuk Badlisham telah dilantik sebagai Chief Executive Officer (CEO) di Multimedia Development Corporation. Datuk Badlisham Ghazali juga telah dilantik sebagai ahli kepada Malaysian Aerospace Council (MAC) oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) pada 15 September 2015 sehingga 14 September 2017. Mulai 23 Jun 2014, Datuk Badlisham dilantik sebagai Pengarah Urusan Malaysia Airport Holdings Berhad.

Turut hadir dalam Syarahan Perdana semalam ialah Naib Canselor, Universiti Malaysia Sarawak, Profesor Dato' Dr Mohamad Kadim Suaidi.



UNTUK KENANGAN... Datuk Badlisham merakam kenangan bersama tetamu yang hadir pada Syarahan Perdana di UNIMAS.